

Mengapa gelandangan wujud?

AWANG terbaca berita tentang gelandangan menggunakan Hospital Sultanah Aminah (HSA) di Johor Bahru (JB) untuk tidur. Khabarnya hal itu dah berjalan beberapa lama. Pihak hospital cuba menghalang tapi mereka datang juga. Tentulah mereka nak gunakan kemudahan bilik air dan rasa selamat di situ.

Bukan di HSA sahaja menjadi tempat tidur gelandangan tetapi juga di tempat-tempat lain di bandar itu. Bukan di JB sahaja masalah ini berlaku tetapi juga di semua kota dan bandar utama negara.

Berjalanlah di Jalan Tuanku Abdul Rahman dekat Kuala Lumpur pada waktu malam. Banyak terdapat gelandangan



di sana. Ada kalanya berkeluarga sekali. Ada anak-anak sekolah bersama mereka. Masjid Negara juga jadi tumpuan golongan ini.

Memang mudah pihak berwajib ambil tindakan ke atas mereka. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) patut proaktif dengan kumpulan ini. Isu gelandangan ini bukan baharu. Memang ramai daripada mereka yang tak mampu sewa rumah kerana pendapatan yang kecil. Tapi tak kurang juga terdiri daripada keluarga yang betul-betul tak ada tempat tinggal.

Ini Kerajaan Madani. Kerajaan yang prihatin. Bantulah mereka. Mereka adalah tanggungjawab bukan beban.